

KHUTBAH JUMAAT

“KOPERASI: PEMANGKIN EKONOMI UMMAH” (25 Julai 2025M/ 29 Muharam 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada melakukan tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Bersempena dengan sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Kebangsaan pada tahun ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '**Koperasi: Pemangkin Ekonomi Ummah**'.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Islam mengajarkan kita untuk hidup secara berjemaah, saling membantu dan menguatkan antara satu sama lain dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam aspek ekonomi. Dalam menghadapi cabaran ekonomi moden, umat Islam perlu terlibat aktif dalam sistem ekonomi yang adil dan berlandaskan nilai Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ma'idah, ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (٢)

Maksudnya: ... Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertaqwa. Dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat berat azab-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Sirah junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* telah menunjukkan contoh praktikal dalam membina kekuatan ekonomi berasaskan amanah, kerjasama dan kejujuran. Sebelum diangkat sebagai Nabi, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah ditawarkan oleh Saidatina Khadijah *radiallahu anha*, seorang saudagar wanita yang berjaya, untuk menjalankan perniagaan atas sistem perkongsian modal dan keuntungan. Saidatina Khadijah *radiallahu anha* menyediakan modal dan barang dagangan,

manakala Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menjalankan urusan perniagaan ke Syam.

Baginda *sallallahu alaihi wasallam* tidak hanya meraih keuntungan luar biasa, malah mempamerkan integriti, amanah, dan keadilan dalam urusan niaga, sehingga memikat hati Saidatina Khadijah *radiallahu anha* untuk melamar Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sebagai suami.

Kisah ini menjadi bukti bahawa prinsip perkongsian, amanah, dan kejujuran adalah antara asas penting bagi membina kekuatan ekonomi umat Islam.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Salah satu instrumen moden yang selari dengan prinsip Islam dalam memperkasakan ekonomi umat ialah koperasi. Walaupun koperasi suatu bentuk organisasi moden, namun asasnya sangat dekat dengan semangat muamalat Islam yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Antara persamaan koperasi moden dan sistem muamalat Islam ialah:

Pertama: Perkongsian modal dan kepakaran.

Setiap pihak menyumbang mengikut kemampuan sama ada dalam bentuk modal, tenaga dan kepakaran.

Kedua: Pembahagian keuntungan yang adil iaitu tidak ada penindasan atau ketidakadilan.

Apa yang diusahakan bersama, dinikmati bersama, berdasarkan persetujuan dan ketelusan. Koperasi bukan hanya wadah untuk

keuntungan, tetapi medan amal secara berkumpulan yang menepati prinsip tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Koperasi bukan sekadar entiti perniagaan. Ia adalah instrumen pembinaan masyarakat yang adil, berintegriti dan berdaya saing. Dalam sirah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, wujud bentuk kerjasama ekonomi seperti *Sahifah* Madinah, Sistem al-Suq (pasar) di Madinah dan *al-Hilf al-Fudhul*, yang menegakkan hak, keadilan dan melindungi golongan tertindas. Urusan ekonomi mestilah bebas daripada unsur penindasan, riba dan manipulasi. Maka, koperasi patuh syariah adalah jalan terbaik yang mengangkat nilai adil dan berkongsi manfaat dengan semua ahli.

Di sinilah pentingnya koperasi yang berasaskan Syariah sebagai satu platform sistemik yang mengurus dan menjaga harta umat secara kolektif, halal dan berintegriti. Dalam koperasi, keuntungan diagih secara adil, risiko dikongsi bersama, dan operasi dijalankan atas asas syura dan kejujuran. Sebagai umat Islam yang cintakan keadilan dan keberkatan rezeki, kita perlu mengambil langkah praktikal untuk memperkasakan koperasi patuh syariah. Antaranya ialah:

Pertama: Menyokong dan menyertai koperasi Islam yang menjalankan aktiviti secara patuh syariah. Cara ini secara tidak langsung menjadi tanda sokongan kita kepada sistem ekonomi yang diredai Allah.

Kedua: Menggalakkan generasi muda untuk menyertai koperasi dan menjadi pemimpin ekonomi Islam masa depan.

Ketiga: Memberi latihan dan pendidikan ekonomi Islam secara berterusan kepada ahli koperasi supaya koperasi tidak hanya kuat dari segi kewangan tetapi juga teguh dari sudut prinsip dan nilai Islam.

Keempat: Elakkan unsur riba, *gharar* dan eksploitasi dalam setiap urusan - sama ada dalam pembiayaan, pelaburan atau transaksi harian.

Marilah kita menyokong institusi koperasi yang mematuhi Maqasid Syariah dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Inilah medan kita untuk menjaga harta ummah secara kolektif, menegakkan keadilan ekonomi, dan menghindari segala bentuk kezaliman sistem riba serta Memperkasa Ekonomi Umat Islam Melalui Koperasi.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nisa', ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾
(٥٨)

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, keafiatan, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.